

UNISSA prihatin kemaslahatan kebajikan masyarakat



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal ketika menyampaikan cek replika kepada wakil dari Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Bagi Anak-Anak Yatim (DANA).

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) merupakan pusat ilmu Islam Brunei Darussalam yang sangat mementingkan kualiti akademik dan sahsiah warganya serta sangat prihatin dengan kemaslahatan dan kebajikan masyarakat.

Selain itu, UNISSA juga sentiasa menyokong usaha-usaha dan khidmat-khidmat yang memberi kesan

positif sekali gus memberi manfaat dan kesejahteraan kepada agama Islam, bangsa dan negara sesuai dengan visi, misi dan objektif universiti tersebut ditubuhkan.

Ke arah itu, pelbagai khidmat masyarakat telah dan sedang dilaksanakan oleh UNISSA menerusi fakulti dan pusatnya.

Dekan Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam UNISSA, Dr. Siti Sara

binti Haji Ahmad menyatakan perkara tersebut pada Majlis Penyerahan Kutipan Karnival Amal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) dan Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sijil di Auditorium UNISSA, di sini.

Katanya, majlis yang diumumkan itu merupakan kosinambungan aktiviti amal yang telah mereka laksanakan, iaitu projek 'Karnival Amal PPIB 2014' bagi menyokong golongan yang memerlukan dan bagi membantu DANA yang melibatkan warga UNISSA serta orang ramai.

Jelasnya, inisiatif tersebut adalah bukti keprihatinan UNISSA kepada kemaslahatan agama Islam, bangsa dan negara.

Tambahnya, pada karnival tersebut pelbagai pertandingan telah diadakan bagi menarik kunjungan orang ramai yang bertujuan memupuk sifat berdaya saing, kepimpinan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan, di samping menyuntik semangat untuk berkeaktifan dalam jualan bagi menyumbang derma kepada anak-anak yatim.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyeraikan kutipan derma amal serta penyampaian hadiah dan sijil kepada penyumbang serta pertandingan Karnival Amal PPIB 2014 ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal.



REKTOR UNISSA semasa menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima.

Muhammad Akif pilih Islam sebagai pegangan hidup



AWANG Muhammad Akif bin Abdullah Suliman semasa melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislaman di hadapan pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Januari. - Hasrat seorang lelaki berbangsa Iban, Shuardhey Anak Suliman untuk memeluk agama Islam kini tercapai setelah beliau melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya.

Majlis Pengislaman Shuardhey yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Akif bin Abdullah Suliman, berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Hadir menyaksikan majlis pengislaman tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baru.

Awang Muhammad Akif, berusia 22 tahun, ketika ditemui berkata, berasa terharu dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana niat untuk menganut agama Islam yang suci itu akhirnya dimakbulkan Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk selanjutnya, beliau berhasrat untuk terus mendalami agama Islam ini dengan mempelajari pelbagai bidang agama termasuk sembahyang, puasa dan sebagainya.

Beliau yang menuntut di Politeknik Brunei menyedari bahawa agama Islam merupakan agama yang benar dan mempunyai banyak keistimewaan tersendiri seperti kewajipan menunaikan sembahyang fardu lima waktu, zakat, puasa dan sebagainya.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan PDI serta ahli-ahli keluarga.

Teladani akhlak mulia Baginda Rasulullah



PEGAWAI Tugas-Tugas Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB), Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu yang juga selaku Yang Dipertua Badan Kebajikan YSHHB hadir selaku tetamu kehormat.

Berita dan Foto : Ihsan Badan Kebajikan Pekerja YSHHB

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Januari. - Majlis-majlis Sambutan Maulidur Rasul terus diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini bagi memperingati keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antara yang mengadakan sambutan seumpamanya ialah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) dengan dikelolakan oleh Badan Kebajikan Pekerja YSHHB melalui Bahagian Keagamaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Bilik Serbaguna, Kompleks YSHHB di ibu negara ialah Pegawai Tugas-Tugas YSHHB, Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu, juga selaku Yang Dipertua Badan Kebajikan YSHHB.

Majlis diserikan dengan Ceramah Maulidur Rasul disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat

Da'wah Islamiah, Awang Haji Azman bin Haji Musa yang antaranya menyentuh mengenai ganjaran



PEGAWAI Tugas-Tugas Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB), Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu, juga selaku Yang Dipertua Badan Kebajikan YSHHB, menyampaikan cenderahati kepada penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

bersclawat dan akhlak mulia Baginda Rasulullah.

Beliau menjelaskan bahawa Al-Qur'an merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang memberikan ketenangan kepada mereka yang mendalaminya sehingga isi kandungannya mampu membuktikan kebenaran peristiwa walaupun sebelum lahirnya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Penceramah undangan juga turut memberikan keyakinan bahawa agama Islam merupakan agama yang teragung sepanjang zaman.

Majlis yang merupakan acara tahunan YSHHB itu diserikan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam beramai-ramai yang membawakan Dikir 'Asyrakal'.

Juga hadir ialah ahli-ahli Badan Kebajikan Pekerja YSHHB yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan YSHHB, pengetua, guru besar, guru-guru dan kakitangan Sekolah YSHHB.

RALAT

BERITA bertajuk 'Sumbangan pelajar Pra-Universiti MSPSBS dihargai' dalam perenggan kedua yang tersiar dalam akhbar ini terbitan pada hari Rabu, 28 Januari 2015 hendaklah dibaca "Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Urusan di Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Yusoff bin Haji Abdul Rahman." - **Penyunting.**